

13/06/2003

PBT diarah kaji pasaran hartanah

Nurul Hasren Masitom

KUALA LUMPUR: Kerajaan Selangor akan mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri itu mengkaji semula pasaran hartanah di kawasan masing-masing sebelum meluluskan sebarang projek pembinaan.

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahalan,

berkata pada masa sama, PBT terbabit diminta berbincang dengan pemaju bagi

mencari jalan menjual hartanah yang tidak mendapat sambutan.

"Kita akan merancang strategi bagi memastikan hartanah tidak terjual di

negeri ini terutama rumah kos rendah yang dibangunkan bersama Jabatan Perumahan Negara dapat dijual.

"Kita akan bantu mana yang patut seperti promosi bersama pemaju dan PBT

terbabit," katanya ketika dihubungi di sini, kelmarin.

Beliau mengulas kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu kerajaan negeri dan PBT tidak meluluskan projek pembinaan sewenang-wenangnya sehingga boleh menjejaskan industri hartanah negara.

Semalam, Perdana Menteri yang kesal dengan masalah pembangunan hartanah

tidak seimbang berbanding permintaan, berkata ia berlaku kerana kerajaan negeri dan PBT terlalu terpengaruh dengan desakan pemaju tanpa mengira aspek permintaan.

Beliau berkata, jumlah hartanah yang belum terjual di seluruh negara masih serius terutama bagi ruang pejabat dan premis perniagaan.

Sehingga akhir tahun lalu, jumlah hartanah tidak terjual dalam industri

hartanah bernilai kira-kira RM24.70 bilion.

Mohd Mokhtar berkata, di Selangor saja ada 25 projek perumahan kos rendah yang terbengkalai di sekitar Kajang, Hulu Langat dan Ampang Jaya disebabkan pembeli tidak mampu menyediakan wang pendahuluan.

"Masalah utama yang kita lihat adalah dari segi bayaran dan kemungkinan

kerajaan negeri akan membantu pembeli mempercepatkan proses itu," katanya.